

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 NOVEMBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

Prestasi KDNK bukti kerajaan berjaya pacu pemulihan ekonomi – PM

Prestasi KDNK bukti kerajaan berjaya pacu pemulihan ekonomi – PM



ISMAIL SABRI

BERA - Prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku ketiga tahun ini yang meningkat kepada 14.2 peratus adalah bukti kejayaan kerajaan memacu pemulihan ekonomi pasca Covid-19.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia sekali gus membuktikan tuduhan yang mengatakan kerajaan gagal membawa perubahan kepada ekonomi negara adalah tidak tepat.

Katanya, peningkatan itu juga

didorong oleh pembukaan sektor ekonomi selaras dengan peralihan ke fasa pandemik di samping kejayaan memberangsangkan penggunaan sektor swasta dan pasaran buruh negara.

"Peningkatan 14.2 peratus itu lebih pesat daripada suku kedua iaitu 8.9 peratus dan suku pertama sebanyak 5 peratus.

"Begitu juga dengan kadar pengangguran yang terus menurun iaitu 3.6 peratus pada September

lepas berbanding 4.6 peratus pada Ogos 2021," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri program Moh Ngeteh bersama komuniti Orang Asli di Kampung Orang Asli Bongkok di sini pada Jumaat.

Ismail Sabri berkata, keyakinan pengguna ditunjukkan dengan jualan perdagangan borong dan runcit yang mencapai RM134 bilion untuk September 2022 iaitu peningkatan 23.9 peratus berbanding September

tahun lepas iaitu RM108.1 bilion.

"Sektor perniagaan semakin kukuh dengan jualan sektor pembuatan pada September 2022 sebanyak RM161.7 bilion iaitu peningkatan 19.5 peratus berbanding September 2021.

"Kerajaan sentiasa memantau perkembangan ekonomi global bagi memastikan impak besar kelembapan ekonomi tidak memberi kesan kepada negara," jelas beliau. - *Bernama*